

“*Penilaian kerugian dilakukan secara menyeluruh, bukan saja membabitkan mangsa banjir, malah kesan bencana itu terhadap ekonomi Johor berikutan kemusnahan ladang, ternakan, perniagaan, kemudahan asas dan infrastruktur*”

Che Moin Umar
Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana BKN

Lebih RM500 juta rugi banjir di Johor

BH 22/1/07

Penilaian bantu negeri, Pusat rangka tindakan: BKN

Oleh Norfatimah Ahmad dan Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR: Kerugian akibat dua banjir besar di Johor dalam tempoh sebulan sejak pertengahan bulan lalu, dianggar mencecah lebih RM500 juta, kata Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Che Moin Umar.

Beliau berkata, kerugian RM500 juta itu adalah anggaran awal dan

angka berkenaan dijangka lebih tinggi selepas kerosakan sebenar dinilai, minggu ini.

“Penilaian kerugian dilakukan secara menyeluruh, bukan saja membabitkan mangsa banjir, malah kesan bencana itu terhadap ekonomi Johor berikutan kemusnahan ladang, ternakan, perniagaan, kemudahan asas dan infrastruktur,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Che Moin berkata, penilaian itu dapat membantu kerajaan negeri dan Pusat merangka tindakan su-

sulan bagi proses pemulihan selepas banjir surut sepenuhnya.

Banjir pertama di Johor yang dianggar menyebabkan kerugian lebih RM100 juta, bermula 17 Disember lalu diikuti banjir kali kedua pada 7 Januari lalu.

Che Moin berkata, tumpuan kini diberi terhadap usaha pembersihan dan mengepam keluar air dari beberapa kawasan banjir, terutama di Batu Pahat.

Beliau berkata, 12 pam milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

serta 10 lagi dari Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (Smart) digunakan untuk mengevakuasi air banjir di Batu Pahat.

Sehingga jam 6 petang semalam, 51,030 mangsa banjir daripada 12,094 keluarga masih ditempatkan di 117 pusat pemindahan dengan paling ramai di Batu Pahat, iaitu 50,713 mangsa daripada 12,028 keluarga di 114 pusat pemindahan.

Air Empangan Bekok, Sembrong kembali pecah paras bahaya

DARI MUKA 1

Seramai 180 mangsa daripada 34 keluarga pula ditempatkan di satu pusat pemindahan di Kota Tinggi, Muar (57 orang/satu pusat pemindahan) dan Johor Bahru (80 orang/satu pusat pemindahan). Keadaan banjir di Segamat, Pontian dan Kluang, pulih sepenuhnya dengan semua pusat peminda-

dahan ditutup semalam.

Sementara itu, hujan berterusan selama dua hari menyebabkan paras air di dua empangan, iaitu Bekok dan Sembrong di Batu Pahat, kembali mencecah paras bahaya.

Pada jam 6 petang semalam, Empangan Sembrong mencatat bacaan setinggi 12.02 meter, melebihi paras bahaya 12 meter manakala Empangan Bekok 18.71 meter melebihi paras bahaya 17.5 meter.

Empat jalan di Batu Pahat juga masih ditutup, iaitu Jalan Parit Raja Darat-Jalan Sungai Rambut, Jalan Yong Peng-Parit Sulung, Jalan Kangkar Baru-Paloh dan Jalan Sengkuang-Sri Bangkal. Jalan Bandar Tenggara-Kluang, Jalan Kluang-Kota Tinggi serta Kahang-Taman Negara Kampung Peta, turut ditutup.

Di **PAHANG**, banjir yang pulih dua hari lalu, kembali dan kali ini

melanda empat daerah di negeri itu.

Seramai 357 mangsa sudah dipindahkan ke 12 pusat pemindahan sejak kelmarin, iaitu 160 orang di Raub, Kuala Lipis (60), Bentong (73) dan Rompin (64).

Antara kawasan tebabit ialah Kampung Ulu Semantan, Batu Talam Tengah, Kampung Chenua, Kampung Piah, Kampung Sengkela, Kampung Ajai dan Kampung Ulu Sungai.